

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM MEET AND GREET
RMC@UCS**

**11 JUN 2025 | RABU | 9.30 PAGI
DEWAN PSB, ARAS 5, PLAZA SATELITE B
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBI ‘AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIINWA ‘ALAAALIHI
WASOHBIHI AJMA’IN**

YBrs. Profesor Dr. Nor Azura Md Gani

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UiTM

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Profesor Madya Ts. Dr Shahrul Yani Said

Timbalan Pengarah IMPAK Penyelidikan

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UiTM

YBrs. Dr. Mohd Shafiq Aazmi

Ketua Unit Pemantauan Penyelidikan

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UiTM

Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan
Selangor

Barisan Pengurusan Pusat Pengurusan Penyelidikan
(RMC) UiTM

Barisan Dekan Fakulti

Barisan Timbalan Dekan Penyelidikan Fakulti

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan
puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam **Program *Meet and Greet RMC@UCS*** bersama Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UiTM pada pagi yang penuh berkat ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak RMC atas inisiatif penganjuran program ini, yang saya lihat sebagai platform strategik untuk memperkukuh hubungan antara RMC dan para penyelidik di peringkat fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) di UiTM Cawangan Selangor.

Hadirin sekalian,

3. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang komited untuk berada di barisan hadapan dalam

bidang penyelidikan dan inovasi, UiTM sentiasa menitikberatkan sokongan menyeluruh kepada para penyelidik.

4. Kita semua maklum peranan RMC adalah sangat signifikan sebagai enjin penggerak yang merancang, menyelaraskan, dan memudahkan cara perjalanan penyelidikan bermula dari proses permohonan geran, sehinggalah ke fasa pelaporan dan pengkomersialan hasil penyelidikan.

5. Saya yakin, melalui sesi hari ini, kita akan mendapat pencerahan yang lebih mendalam tentang garis panduan, dasar, dan kemudahan yang disediakan oleh RMC, disamping pendedahan terhadap peluang dan cabaran semasa dalam landskap penyelidikan negara dan global.

6. Saya percaya, kefahaman yang jelas dalam hal ini bukan sahaja membantu dalam kelancaran pentadbiran projek, tetapi juga memberi ruang untuk setiap penyelidik memaksimumkan impak kajian mereka.

7. Program seperti ini juga penting kerana ia membuka saluran komunikasi yang lebih mesra dan telus antara RMC dan warga akademik.

8. Lebih daripada itu, saya melihat program ***Meet and Greet RMC@UCS*** ini sebagai satu seruan kepada kita semua untuk memperkukuh budaya penyelidikan.

9. Penyelidikan bukan sekadar memenuhi KPI atau penerbitan semata-mata, tetapi adalah satu tanggungjawab akademik dan sosial yang memberi kesan kepada masyarakat, negara, malah umat sejagat.

10. Di sinilah letaknya nilai kita sebagai sarjana dan pendidik.
11. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyarankan agar semua pihak mengambil peluang daripada sesi ini untuk bertanya, berkongsi pandangan, serta membina jaringan yang lebih kuat antara satu sama lain.
12. Kolaborasi adalah kunci kepada kejayaan penyelidikan moden, dan saya yakin dengan semangat kebersamaan, kita mampu menghasilkan lebih banyak *output* penyelidikan berimpak tinggi yang menepati aspirasi universiti.
13. Akhir kata, tahniah kepada pihak Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor sebagai penganjur, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

14. Semoga usaha ini membawa manfaat yang besar dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan penyelidikan di UiTM.

Bintang berkelip di langit kelam,
Berlayar perahu menuju seberang.
Ilmu dicari siang dan malam,
Penyelidikan jadi tunjang cemerlang.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**